

BAB I

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Firman Allah s.w.t. dalam al-Qur'an al-Karim;

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ﴿٢﴾

"Dan Ketika Tuhanmu berkata kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku (Allah) menjadikan khalifah (iaitu manusia) di bumi ini..."

(surah al-Baqarah (2) : 30)

Allah s.w.t. menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi, dipertanggung-jawabkan untuk memakmurkan dunia ini. Untuk melaksanakan amanah ini, manusia dibekalkan dengan akal, iaitu satu kelebihan yang tidak diberikan kepada makhluk-makhluk Allah yang lain.

Allah menjelaskan bahawa antara kekuasaan-Nya ialah Dia menjadikan langit dan bumi serta sekalian makhluk-Nya yang mempunyai bahasa yang berbeza-beza antara satu sama lain. Allah s.w.t. berfirman;

وَمِنْ ءَايَتِهِ خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافُ الْسِنَّاتِكُمْ وَآلَوَانُكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ

لِلْعَالَمِينَ ﴿٢٢﴾

"Dan di antara kekuasaan-Nya (Allah) ialah kejadian langit dan bumi, serta kepelbagaian bahasa dan bangsa kamu, sesungguhnya yang demikian itu ialah sebagai tanda (bukti kekuasaan Allah) bagi sekalian alam."

(terjemahan Surah al-Rum (30):22)

Komunikasi yang tercetus antara manusia merupakan aspek terpenting yang membentuk tamadun dunia. Evolusi komunikasi antara manusia dengan manusia dan komunikasi manusia dengan alam telah merubah dunia ini menjadi semakin berkembang. Komunikasi merupakan aspek terpenting untuk saling tukar maklumat, pengetahuan, idea dan fikiran yang sekaligus merangsang pertumbuhan pemikiran baru dan anjakan paradigma. Komunikasi juga merupakan proses yang saling berkaitan yang melibatkan empat pembentuk asas, iaitu perutusan (*risalah*), pengantar, cara, dan penerima (Ta' imah, 2006).

Komunikasi dan bahasa sering kali dipandang sebagai dua sisi daripada satu keping wang yang sama. Brumfit (1984) menyatakan bahawa bahasa tidak mungkin diperoleh apabila hasilnya dibatasi terdahulu. Apa yang akan diperoleh itu hanyalah perilaku kegemaran berbahasa sahaja. Bahasa merupakan alat komunikasi, manakala komunikasi ialah suatu proses yang melibatkan dua alat pemprosesan informal. Alat yang satu membentuk lingkungan fizikal bagi yang lain. Dengan demikian, dalam proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung, maka terjadilah komunikasi dengan menggunakan bahasa antara pengajar dan pembelajar.

Pembelajaran bahasa dapat mengembangkan kefasihan dalam konversasi atau percakapan, dan barangkali juga dalam pengkajian ilmu pengetahuan. Perkembangan pembelajaran bahasa kedua di kelas mungkin saja mirip-mirip perkembangan bahasa kedua naturalistik, kerana proses yang sama perlu digiatkan (Ellis, 1984). Sebagai bahasa kedua, bahasa Arab kaya dengan perbendaharaan kata, struktur nahunya pula rumit dan kompleks. Oleh kerana itu, dalam proses pembelajaran terdapat komponen, pendekatan, strategi, teknik dan pelbagai metode pembelajaran yang dikembangkan dalam proses tersebut.

Stern (1974) berpendapat bahawa ada 10 jenis strategi yang dapat mempengaruhi tercapainya pembelajaran bahasa, iaitu strategi perancangan, empetik, aktif, eksperimental, formal, semantik, praktis, komunikasi, pemantauan dan internalisasi. Widdowson (1979) menyatakan bahawa strategi yang paling berhasil untuk mengajarkan suatu bahasa kedua di sekolah adalah dengan cara memakainya sebagai bahasa pengantar untuk mengantarkan subjek pelajaran lainnya.

Memang tidak dinafikan bahawa terdapat kepelbagaian bahasa di dunia ini. Hampir setiap negara di dunia ini mempunyai bahasa tersendiri yang dituturkan oleh rakyatnya dan menjadi bahasa rasmi negara berkenaan. Bahasa ini juga menjadi bahasa ilmu, bahasa perpaduan dan lambang kebudayaan sesebuah negara (Amilrudin, 2003). Manusia saling berinteraksi dan berkomunikasi antara satu bangsa dengan bangsa lain meskipun berlainan bahasa. Lantaran itu, wujudlah apa yang dinamakan pengaruh bahasa asing dan beberapa faktor, seperti motivasi, dorongan orang lain yang mendorong manusia berkomunikasi dalam bahasa asing.

Selaras dengan kemajuan sains dan kecanggihan teknologi kini telah menjadikan bahasa kedua selain bahasa ibunda menjadi semakin penting. Bahasa Inggeris, umpamanya, dilihat sebagai bahasa yang perlu dipelajari oleh semua bangsa di dunia kerana keperluan perhubungan antarabangsa dan nilai ekonominya. Manusia pula bergerak dan berkembang ke seluruh negeri untuk pelbagai tujuan. Oleh itu, dalam mencapai tujuan manusia memerlukan bahasa sebagai alat komunikasi untuk menyampaikan mesej kepada seseorang.

Perkembangan Islam ke seluruh pedalaman dunia telah membawa bersamanya bahasa Arab sebagai teras kepada amalan dan ajaran Islam. Bagi orang-orang Islam,

mempelajari ajaran Islam dan al-Qur'an al-Karim akan mendorong mereka mempelajari bahasa Arab yang antara lain bertujuan meningkatkan pengetahuan dan memudahkan berkomunikasi. Maka dalam posisi ini bahasa Arab sebagai alat untuk menyakinkan orang lain atau mempengaruhi sekelompok orang atau rakyat, baik melalui forum formal atau tidak formal.

Wujudnya kecenderungan dan minat masyarakat yang sangat tinggi untuk mempelajari bahasa Arab hari ini telah mendorong pelbagai pihak menawarkan pelajaran bahasa ini. Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA) di Jakarta melihat bahasa Arab sebagai bahasa yang sangat penting untuk dipelajari, malah turut menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam kurikulum.

Tujuan komunikasi tidak hanya terhenti kepada penyampaian maklumat daripadapada seseorang kepada seseorang yang lain. Komunikasi juga berperanan untuk penyebaran ilmu, pembentukan kebudayaan, penzahiran inspirasi, pengaruh ideologi dan serangan psikologi. Bentuk komunikasi biasanya diasaskan kepada komunikasi lisan, iaitu pertuturan, di samping bentuk lain seperti tulisan, paralinguistik, kod-kod elektronik dan bentuk-bentuk lain yang tergolong sebagai komunikasi bukan verbal.

Kementerian Pendidikan Indonesia turut terdorong untuk mengembangkan bahasa Arab kepada para pelajar. Ia menubuhkan sekolah-sekolah agama atau madrasah diniyah (MD) dan Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) yang banyak menekankan kepada penggunaan bahasa Arab. Bahasa Arab ditawarkan di kebanyakan sekolah, kolej dan lembaga pengajian tinggi awam di Indonesia ialah agar dapat meningkatkan kemahiran dan dapat melahirkan siswazah multilingua yang mampu menguasai daripada dua bahasa khususnya daripada aspek komunikasi.

Sehubungan dengan kajian ini, pengkaji akan menumpukan kajian terhadap pelajar Tingkatan Persiapan Bahasa (*I'dad Lughawi*) di LIPIA sahaja. Ini kerana kehadiran mereka di kelas ialah lebih sistematik dan berdisiplin.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

LIPIA di Indonesia didirikan pada bulan April 1980 M, berdasarkan persetujuan Dewan Kerajaan No. 5/N/26710, tarikh 21 Dzulhijjah 1398 H/20 November 1978 M. Pembinaan dan pengawasanya diserahkan kepada Universitas Islam Imam Muhammad Ibn Saud, Riyadh, sebagaimana lembaga-lembaga lainnya yang lebih dahulu, yang ada di Ra'as al-Khaimah, Mauritania, Jepang dan Amerika. Lembaga ini sebelumnya bernama Lembaga Pengajaran Bahasa Arab (LPBA) sampai Tahun 1986 M, kemudian berubah menjadi Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA).

Pengajaran Bahasa Arab di LIPIA dimulai pada bulan Mei 1980 M. Kursus ini terbuka kepada pelajar Indonesia yang belajar di LIPIA. Pada mula pembukaan, kegiatan belajar hanya terbatas pada tujuh kelas petang sahaja dan khusus untuk Program Persiapan Bahasa (*I'dad Lughawi*). Pada kemasukan sesi 2002-2003, LIPIA menambah dua program, iaitu Program Persiapan Bahasa (*I'dad Lughawi*) dan Program Pra Universiti (*Takmili*) serta dua jurusan, iaitu Jurusan Syari'ah dan Pendidikan Guru.

Kurikulum LIPIA dibina oleh tenaga pakar daripada Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud Arab Saudi. Penekanan diberi kepada penggunaan bahasa Arab sebagai pengantar kurikulum dan bahasa komunikasi rasmi di LIPIA. Usaha ini dilihat sebagai menyuntik motivasi pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab dengan lebih baik dan yakin.

Selaras dengan perkembangan zaman, usaha pengajaran dan pembelajaran bahasa asing - Bahasa Arab (BA) menjadi semakin penting. Bahasa asing cenderung menjadi motor perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi, cabaran itu patut dijawab oleh para pengajar dan pelajar bahasa Arab dengan memperbaharui dan memperluas wawasan di bidang didaktik dan kaedah, sehingga masalah yang ada dalam kalangan pelajar ketika mempelajari bahasa asing dapat di selesaikan.

Menurut Abd. Ghani Jalil (1993), kelemahan menguasai bahasa Arab dalam kalangan pelajar berpuncak daripada tiada kursus dan latihan pengajaran bahasa Arab menggunakan kaedah terkini. Pelajar merasakan bahasa Arab kurang diperlukan dan pelajar tidak berminat mempelajari bahasa Arab. Raminah dan Syam (1985) menyatakan bahawa penguasaan bahasa merupakan tafsiran kepada lambang-lambang yang terdiri daripada perkataan-perkataan sebagai cara bagi memperoleh pengetahuan, baik secara lisan mahupun secara bertulis dan juga pernyataan fikiran sama ada secara lisan ataupun tulisan. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam apa juga mata pelajaran kita tidak dapat melepaskan diri daripada menggunakan bahasa. Kursus bahasa Arab ditawarkan memandangkan kepada keperluan dan menjadikan sebagai bahasa pengantar di LIPIA.

Secara prinsipnya, LIPIA memperkenalkan mata pelajaran Bahasa Arab pada tahun 1978 kepada pelajar yang berkebolehan di peringkat persiapan bahasa (*I'dad Lughawi*) dengan objektif agar mereka mampu menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. LIPIA telah menetapkan dua objektif bagi mata pelajaran Bahasa Arab, iaitu objektif am dan objektif khas. Objektif am ialah melahirkan rasa bangga terhadap bahasa Arab sebagai bahasa Al-Qur'an, bahasa ilmu dan alat memperoleh maklumat dan kemahiran dengan memahami nas rujukan Islam dalam

bahasa Arab dan menggunakannya secara meluas. Manakala objektif khas ialah mendengar ayat al-Qur'an dan al-Hadis, membiasakan penggunaan bahasa Arab dalam pertuturan, pengkajian dan pembacaan dalam pelbagai bidang, menguasai tatabahasa Arab dan mahir menggunakan bahasanya dan sebagainya.

Proses pengajaran bahasa Arab yang diajar di peringkat persiapan bahasa (*I'dad Lughawi*) di LIPIA sejak mula diperkenalkan pada tahun 1980 hingga kini telah berjalan dengan lancar. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini belum ada kajian secara ilmiah telah dijalankan bagi mengukur tahap penggunaan strategi komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing di LIPIA di Indonesia daripada aspek penguasaan kurikulum kemahiran bertutur yang ada di LIPIA.

1.3 KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN

Kajian mengenai strategi komunikasi pelajar yang dijalankan oleh pengkaji mempunyai asas yang kuat berdasarkan teori pembelajaran bahasa kedua, dan mendasari aliran innatis yang dikemukakan oleh Krashen (1981) dalam *Monitor Model* dan kini lebih dikenali sebagai *Input Hypothesis* (Brown, 2000). Berhubungan dengan pembelajaran bahasa kedua, Krashen (1981) menyatakan bahawa terdapat perbezaan antara pembelajaran dengan pemerolehan.

Pembelajaran ialah proses yang dilalui oleh pelajar secara sedar atau secara formal, dan eksplisit menguasai bahasa yang dipelajari, terutama dengan pengetahuan tentang kaedah seperti pembelajaran tatabahasa. Manakala pemerolehan ialah proses di mana seseorang individu itu mempelajari suatu bahasa tanpa disedari atau tidak melalui secara formal. Krashen (1987) berpendapat bahawa kedua-dua proses ini tidak boleh berlaku serentak. Sementara Bahaudin (2007), menyatakan bahawa p

untuk membantu pelajar supaya dapat belajar dengan baik. Pelajar yang mempelajari bahasa secara sedar atau secara formal berkemungkinan akan mengutip atau memperoleh beberapa perkataan frasa, atau ayat dalam bahasa itu tanpa disedari.


Realitinya pelajar LIPIA Jakarta mempelajari bahasa Arab yang merupakan bahasa kedua dalam situasi formal di sekolah, bahasa Arab digunakan sebagai alat komunikasi setiap hari dan bahasa pengantar pelajaran (Acep, 2011). Krashen (1983) menyatakan sekiranya sesuatu persekitaran itu, sama ada di bilik darjah atau di luar bilik darjah, kaya dengan input bahasa sama ada daripada sudut pendengaran dan pembacaan, maka pembelajaran bahasa akan menjadi lebih bermakna kepada pelajar tersebut.

Menurut Krashen (1987), lebih banyak individu itu terdedah kepada ransangan yang bermakna, maka lebih banyak pengetahuan dan maklumat bahasa akan mereka kuasai. Kepercayaan diri yang kurang, situasi yang menegangkan, sikap defensif, dan sebagainya, menyebabkan terjadinya filter yang mengurangi kesempatan bagi *input* untuk ke dalam sistem bahasa yang dimiliki seseorang. Tambahnya lagi, orang dewasa dan kanak-kanak yang lebih matang secara keseluruhannya dapat menguasai bahasa kedua dengan lebih cepat.

Satu lagi konsep yang berhubung rapat dengan konsep pembelajaran dan pemerolehan bahasa, ialah *monitor hypothesis* (Krashen, 1982) yang berfungsi sebagai penepis atau penyunting dalam pertuturan atau pengkajian yang coba dilakukan oleh pelajar bahasa kedua. Konsep *affective filter* yang diperkenalkan oleh Dulay dan Burt (1980), yang digunakan Krashen dalam *affective filter hypothesis* pula menyatakan bahawa faktor seperti sikap, motivasi, dan personaliti banyak mempengaruhi pemprosesan input bahasa dalam diri seseorang.

Dengan kata lain, setiap pelajar yang mempelajari bahasa mempunyai mekanisme monitor yang dipengaruhi oleh perasaan, sikap dan persepsi sendiri. Pelajar yang runsing tidak mungkin dapat belajar dengan baik walaupun apa-apa yang didengar atau dipelajarinya itu mudah difahami. Ia juga tidak akan dapat menghasilkan pertuturan yang baik sekiranya ia mempunyai persepsi bahawa bahasanya lemah, menyangka yang akan diketawakan oleh orang lain, dan apa-apa juga perasaan negatif yang ada pada dirinya. Monitor inilah yang menentukan kemampuan seseorang itu untuk memahami input yang didengeri dan kelancaran lidahnya bertutur atau menulis dalam bahasa kedua tersebut.

Model input hypothesis Krashen ini dapat digambarkan seperti rajah 1.1 berikut:




Rajah 1.1 Model input hypothesis bagi pembelajaran dan produksi ujaran bahasa kedua (Krashen, 1983:16)

Dalam hal ini, Krashen dan Terrel (1983) menyarankan supaya guru bahasa memastikan suasana atau persekitaran pembelajaran bahasa itu kondusif, memberangsangkan, dan tidak menekan jiwa atau perasaan pelajar. Berdasarkan teori ini, kewujudan suatu persekitaran yang kaya dengan input bahasa serta suasana yang tidak tertekan dianggap perlu bagi menjayakan proses pembelajaran dan pemerolehan bahasa.

1.4 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Berdasarkan kerangka teoritikal kajian yang diuraikan, pengkaji membina sebuah kerangka konseptual kajian. Pengkaji menggabungkan (a) teori *Input Hypothesis* Krashen (1981), dan (b) model taksonomi strategi komunikasi Tarone (1983). Ianya boleh digambarkan seperti dalam rajah 1.2 berikut:



Merujuk kepada kerangka konseptual kajian yang dinyatakan dalam rajah 1.2, pengkaji akan melihat setiap pemboleh ubah dengan tahap penggunaan strategi komunikasi dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Ia bagi mengenal pasti kekuatan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut sama ada ada atau tidak memberi dorongan kepada pelajar dalam berkomunikasi bahasa Arab. Pemboleh ubah ini dikenal pasti berdasarkan teori pemboleh ubah dan pembelajaran bahasa kedua iaitu teori *Input Hypothesis* (Krashen, 1981) dan kajian-kajian literatur yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa kedua.

Taksonomi strategi komunikasi Tarone (1983) pula digunakan pengkaji sebagai kerangka untuk menganalisis jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar ketika menghadapi masalah dalam menyampaikan sesuatu mesej. Kajian yang dilakukan tertumpu kepada lima jenis strategi komunikasi, iaitu strategi pengelakan, rayuan kerjasama, pemindahan bahasa, parafrasa dan strategi bukan linguistik. Penggunaan strategi komunikasi pelajar ini dapat dicerapkan pengkaji melalui aktiviti tugasan komunikasi lisan diberikan kepada mereka. Hal ini dapat dikenal pasti oleh pengkaji melalui (a) pemerhatian, (b) analisis rakaman dan (c) analisis transkripsi data aktiviti lisan.

1.5 PENYATAAN MASALAH

Pengajaran bahasa seharusnya tidak lari dari matlamat asalnya iaitu menguasai bahasa itu sendiri. Menguasai bahasa bermakna kebolehan untuk berkomunikasi dengan bahasa itu secara spontan dan lisan. Komunikasi secara lisan yang terbaik ialah yang boleh difahami oleh pendengar dan tanpa keupayaan lisan ini, komunikasi belum sempurna (Aziz Talib, 1996). Oleh kerana itu, aspek pertuturan menjadi asas kepada hampir semua pembelajaran bahasa (Mohd Hilmi, 1982).

Dalam proses pembelajaran bahasa, perkara yang terlibat bukan hanya pengetahuan tentang bahasa itu sahaja tetapi perkara-perkara lain pula seperti psikologi, sosiologi, kaedah dan strategi pembelajaran dan sebagainya. Dalam dunia pendidikan strategi dapat diertikan sebagai usaha untuk memperoleh kejayaan dan kecemerlangan dalam menpacai tujuan (Depdiknas, 2008).

Perlu kita ketahui bahawa idea atau gagasan strategi komunikasi yang diperkenalkan oleh Varadi (1973), dan kemudian dikembangkan oleh beberapa ahli

1977; Faerch & Kasper, 1983) telah menjadi salah satu konsep yang sangat penting dalam penyelidikan bahasa kedua. Tarone (1983) mendefinisikan strategi komunikasi daripada sudut interaksi. Strategi komunikasi merupakan usaha sedar antara dua interlokutor untuk bersetuju ke atas satu makna dalam satu situasi tertentu di mana struktur makna “*requisite*” tidak dikongsi bersama. Komunikasi ini dijana oleh satu sistem yang mantap dimiliki oleh penutur dan pendengar. Ia dikenali sebagai sistem bahasa.

Bagi pelajar Indonesia bahasa komunikasi utama adalah bahasa Indonesia yang merupakan bahasa nasional bagi kebanyakan masyarakat peribumi, khususnya bangsa Indonesia. Disebabkan masyarakat Indonesia merupakan masyarakat majmuk, ia turut mengundang kemasukan bahasa asing selain bahasa ibunda mereka, seperti bahasa Inggeris, Arab, Belanda dan China. Faktor kedatangan Islam ke Indonesia pula telah membawa bersamanya bahasa yang dominan dalam agama Islam, iaitu bahasa Arab. Suatu yang mudah difahami apabila Islam diterima dengan meluas dan dianuti oleh majoriti rakyat Indonesia serta menjadi agama rasmi negara, bahasa Arab pasti mendapatkan tempat yang tersendiri (Departemen Agama RI, 2001).

Wujud kontra kepada fenomena ini terutama di kalangan pendokong dan pejuang agama Islam yang prihatin. Mereka menubuhkan pesantren agama dan sekolah agama yang menekankan pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu Islam yang berteraskan bahasa Arab. Menurut Binti Fatatin (2008) pesantren dan sekolah agama mengekalkan kurikulum yang berfokus dalam ilmu-ilmu agama, misalnya ilmu nahwu, sharraf, fiqh, hadits, tafsir, al-qur'an dan bahasa Arab di samping mengutamakan tulisan Jawi. Sistem ini terbukti berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang berketerampilan dan berwibawa dalam pelbagai bidang khususnya ilmu Islam.

Hari ini bahasa Arab telah diterima sebagai salah satu bahasa kedua yang utama di Indonesia. Bahasa ini diajar di sekolah-sekolah secara meluas terutamanya di sekolah agama, seperti madrasah ibtida'iyah (MI), madrasah stanawiyah (MTs), madrasah aliyah (MA) dan di sekolah tinggi agama Islam negeri (STAIN), LIPIA di Jakarta dan pondok-pondok pesantren di pelosok negeri Indonesia (Syuhadak, 2006). Dalam kajian Khasairi (2005) mendapati bahawa seperkara yang agak mendukacitakan, ialah proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab banyak memberi penekanan kepada pengkajian dan kurang menekankan pertuturan. Hal ini mewujudkan satu fenomena yang sangat ketara iaitu kelemahan pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab.

Antara lain dalam objektif penumbuhan Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA) dan sekolah-sekolah agama ialah untuk melahirkan pelajar yang mampu menguasai bahasa Arab dengan baik (Departemen Agaman RI, 2005). Untuk itu, penekanan kepada bahasa Arab diberi perhatian yang serius. Bahasa Arab diajar secara intensif dan berterusan serta digunakan dengan meluas di dalam dan di luar bilik darjah. Acep (2011) menyatakan bahawa dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua, persoalan yang selalu meniti di bibir pendidik atau sesiapa sahaja yang terlibat dengan pengajaran bahasa tersebut ialah pelajar yang terabit itu tidak mampu menguasainya dengan baik.

Umumnya masalah dalam penguasaan bahasa Arab ialah pelajar tidak menguasai perbendaharaan kata dan nahu bahasa itu sendiri. Kesukaran sistem tatabahasa Arab juga menyebabkan pelajar sukar untuk bertutur dengan baik. Pelajar yang gagal untuk memahami sistem linguistik akan membebankan atau menyukarkan komunikasi. Menurut laporan Jabatan Kementerian Pendidikan Agama (Departemen Agaman RI, 2001), pencapaian bahasa Arab di madrasah-madrasah baik dari tingkatan MI, MTs,

MA dan sekolah umum di Indonesia masih rendah walaupun telah mempelajari bahasa Arab selama 9 tahun di peringkat pertama dan menengah.

Berdasarkan pencapaian pelajar di Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) tahun 2008 dalam mata pelajaran bahasa Arab komunikasi di peringkat MTs di Jakarta, keputusan kurang memuaskan dan masih terdapat pelajar yang gagal dalam mata pelajaran tersebut. Daripada 423 calon yang menduduki RPP tahun 2008, seramai 65 orang calon telah mendapat gred D dan E. (Departemen Agama RI, 2009). Bagi keputusan bahasa Arab RPP di peringkat nasional pula, hanya 9 buah sekolah daripada 53 buah sekolah sahaja yang mencatat keputusan bahasa Arab komunikasi RPP 2008 pula menunjukkan peratus lulus ialah 88.5% dan peratus lulus bahasa Arab Tinggi RPP 2008 ialah 93.1% (Departemen Agama RI, 2009).

Seseorang pelajar dianggap gagal dalam berkomunikasi bahasa Arab apabila tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam dan tidak boleh bertutur serta tidak menggunakan bahasa itu untuk tujuan komunikasi secara spontan selaras dengan rumus-rumus tatabahasa. Kurangnya kesedaran terhadap kepentingan menguasai struktur komunikasi menyebabkan para pelajar bahasa Arab seringkali tidak mengambil inisiatif untuk menambah maklumat bahasa yang telah diperolehi. Dengan demikian, untuk menyelesaikan masalah ini maka ada dua perangkat foktor yang akan selalu mempengaruhi setiap keputusan pedagogis. Satu perangkat berkaitan dengan individu pelajar itu sendiri dan perangkat yang satu lagi berkaitan dengan persekitaran (Tarigan, 1991).

Faktor-faktor yang berkaitan dengan individu pelajar telah banyak mendapat perhatian daripada guru-guru bahasa selama 20 tahun terakhir ini (Tarigan, 1991). Beberapa di

antaranya, seperti bakat bahasa dan motivasi pelajar sudah lama dibincangkan. Walaupun begitu, sedikit diketahui mengenai hal itu dan mengenai bagaimana sebenarnya faktor-faktor khusus sebagai aspek prestasi, ataupun kekurangannya dalam perkembangan bahasa kedua. Kerap kali pernyataan-pernyataan mengenai hubungan seperti itu diasaskan pada spekulasi, intuisi, dan penyelidikan empiris.

Kajian Said (1987) telah mendapati faktor persekitaran dalam alam pendidikan dan pengajaran bahasa merupakan faktor yang penting yang dapat mempengaruhi terhadap kejayaan dan kegagalan pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua. Antaranya ialah faktor guru di mana ia dapat memainkan peranan dalam memberi bimbingan dan dorongan terhadap pelajar. Guru juga sebagai tokoh dominan di dalam kelas, memperhatikan aktiviti-aktiviti dengan cara yang absolut, dan memberikan masukan-masukan serta arahan kepada pelajar. Guru juga berfungsi sebagai pemberi tugas, yang menemukan standard kejayaan yang tinggi bagi pelajar berupaya keras untuk mencapainya, dan secara cermat serta kritis mengevaluasi tugas-tugas para pelajar.

Tidak terdapat banyak kajian yang dijalankan untuk mengkaji tahap strategi komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah. Kajian Sri Juraiti Ownie (1997), Abdul Rahman (2009) dan Dyah Kusumastuti (2011) telah mendapati terdapat perbezaan di antara strategi yang digunakan oleh pelajar yang berbeza tahap kompetensinya. Mereka tidak menganalisis tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar.

Melihat kepada masalah kajian inilah, kajian ini cuba mengenali dan menganalisis tentang tahap penggunaan strategi komunikasi bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar LIPIA dalam berkomunikasi bahasa Arab. Kajian ini akan memberi gambaran tentang

jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar apabila mereka menghadapi masalah contohnya kekurangan leksikal bahasa Arab semasa berkomunikasi. Taksonomi Tarone (1977) akan digunakan sebagai panduan menganalisis data dalam kajian ini. Pengkaji berpendapat bahawa taksonomi Tarone lebih mudah dan mantap tentang strategi komunikasi. Serta ingin mengetahui sama ada faktor yang mendorong pelajar dapat berkomunikasi dalam bahasa Arab juga akan dilihat.

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap penggunaan strategi komunikasi pelajar ketika bertutur dalam bahasa Arab. Tujuan utama ini dapat dibahagikan kepada empat objektif khusus, iaitu:

- a) Mengenal pasti tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar LIPIA di Jakarta.

Pengkaji ingin mengenal pasti tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar. Cara ini akan menampakkan strategi yang manakah yang lebih kerap digunakan oleh pelajar LIPIA. Walaupun, mungkin pelajar tidak mengenal dan tidak tahu tentang strategi komunikasi pembelajaran bahasa. Namun dengan jawaban yang diberikan dalam soal selidik dapat menggambarkan amalan yang biasa dilakukan oleh pelajar ketika berkomunikasi.

- b) Mengetahui strategi komunikasi yang digunakan pelajar LIPIA ketika mengalami masalah dalam komunikasi bahasa Arab.

Pengkaji membuat pemerhatian ke atas strategi komunikasi yang digunakan pelajar ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab. Cara ini pengkaji akan menemukan sama ada strategi-strategi komunikasi digunakan atau tidak oleh pelajar dalam berkomunikasi bahasa Arab.

- c) Mengenal pasti faktor motivasi pelajar dan faktor dorongan guru dapat memberi dorongan kepada pelajar ketika berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Pengkaji ingin mengenal pasti faktor-faktor yang dapat memberi dorongan kepada pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab. Melalui cara ini, pengkaji dapat mengetahui sama ada faktor-faktor tersebut dapat memberi dorongan kepada pelajar atau tidak. Pengkaji berpendapat bahawa kejayaan pelajar dalam berkomunikasi juga tidak lepas daripada faktor yang dapat memberi dorongan yang tinggi kepada mereka.

1.7 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan huraian di atas dapatlah dirumuskan persoalan-persoalan berikut:

1.7.1 Sejauh manakah tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar-pelajar LIPIA di Jakarta?

1.7.2 Apakah pelajar LIPIA menggunakan strategi komunikasi semasa berkomunikasi dalam bahasa Arab?

1.7.3 Sejauh manakah faktor motivasi pelajar dan faktor dorongan dapat mendorong pelajar-pelajar kolej berkomunikasi dalam bahasa Arab?

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Sebuah penyelidikan dilakukan dengan harapan diperoleh suatu manfaat yang boleh digunakan untuk kepentingan teoritikal dan juga praktikal. Kajian penting kerana dapat membantu mengenal pasti masalah komunikasi dalam bahasa asing yang digunakan oleh pelajar Indonesia. Dapatan kajian ini boleh menjadi petunjuk bagi pihak-pihak yang berkenaan untuk memahami pelajar bermasalah dalam pembelajaran dengan lebih baik, merancang aktiviti yang mendorong kepada peningkatan keyakinan diri pelajar sehingga mencapai komunikasi yang benar dan baik.

Di samping itu, kajian ini juga akan membantu mengetahui faktor-faktor yang mendorong pelajar dalam pembelajaran bahasa. Ini akan memberikan gambaran umum tentang faktor individu dan persekitaran yang dapat mendokong dalam penguasaan bahasa sehingga mereka dapat berkomunikasi dengan licin. Kajian terhadap strategi komunikasi akan lebih berkembang dan dapat menghasilkan penemuan baru yang boleh membantu pelajar, guru dan pensyarah yang terlibat dalam bahasa Arab.

Kajian ini juga dapat dijadikan panduan dan cadangan dalam membina bahasa Arab untuk mengenali permasalahan pelajar dan memberi penekanan kepada aspek komunikasi, kemahiran bahasa termasuk penggunaan strategi komunikasi. Di samping itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai tambahan sumber maklumat kepada pengkaji buku dan pihak-pihak yang berminat.

1.9 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA) di Jakarta sahaja yang berada dalam program persiapan bahasa (*I'dad Lughawi*). Seramai 30 orang pelajar yang kesemuanya berbangsa Indonesia. Kajian tidak mengambil kira kesilapan tatabahasa.

Bidang kajian ini merangkumi strategi komunikasi bahasa Arab yang memberi tumpuan kepada tahap penggunaan strategi komunikasi dalam kalangan pelajar Indonesia di LIPIA. Selain itu, kajian juga melihat faktor-faktor yang mendorong pelajar berkomunikasi bahasa Arab. Faktor-faktor yang dikaji ialah faktor motivasi pelajar dan faktor dorongan guru. Untuk menganalisis kajian ini, data diperoleh melalui maklum balas soal selidik daripadapada 30 orang pelajar.

Sementara, dalam mengkaji strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada aspek penghasilan ujaran lisan verbal dan bukan verbal, data diperolehi melalui aktiviti lisan. Tumpuan hanya diberikan kepada jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan pelajar untuk mengatasi masalah kekurangan leksikal dalam menyampaikan mesej apabila mereka berkomunikasi secara lisan dalam bahasa Arab.

Manakala subjek dalam aktiviti lisan, pengkaji memilih seramai 12 orang pelajar yang dipilih secara rawak untuk mewakili pelajar yang lainnya. Kemudian dibahagikan ke dalam dua kumpulan. Kumpulan A, pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab dan pelajar kumpulan B, pelajar yang baru sahaja mempelajari bahasa Arab. Namun begitu, tujuan utama pengkaji bukanlah menumpukan sepenuh perhatian terhadap kebolehan kedua-dua kumpulan, tetapi pengkaji mahu melihat jenis strategi komunikasi yang

mereka gunakan. Dengan adanya pembahagian kumpulan ini akan menampakkan kebolehan subjek menggunakan strategi komunikasi. Alasan pengkaji berbuat demikian kerana kebolehan kedua-dua kumpulan hampir sama iaitu penguasaan bahasa Arab mereka masih lemah. Bagi kumpulan yang ada asas pula telah melupai tatabahasa Arab kerana menurut pengkaji mereka tidak mempraktikkan bahasa tersebut.

Taksonomi yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah taksonomi Tarone (1997). Ini kerana taksonomi Tarone (1977) merupakan taksonomi yang mudah dan mantap tentang strategi komunikasi. Ia akan dijadikan sebagai panduan pengkaji sama ada dalam tujuan utama pengkajian mahupun tujuan sampingan kajian ini. Seterusnya harapan kajian ini dapat membantu menjawab persoalan-persoalan yang timbul.

1.10 DEFINISI STRATEGI KOMUNIKASI

Dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (1988), kata “*strategi*” mengandung makna rencana yang cermat mengenai kegiatan untuk mencapai sasaran. Dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa, istilah strategi dan teknik sering dipakai secara bergantian kedua-keduanya bersinonim. Manakala erti komunikasi dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (2007) ialah pengiriman dan penerimaan pesan atau berita antara dua orang atau lebih sehingga pesan yang dimaksud dapat dipahami.

Kamaruddin Hj. Husin (1994) mendefinisikan strategi sebagai satu perancangan atau satu operasi. Ia boleh juga diertikan sebagai satu aktiviti pengurusan atau kaedah yang digunakan untuk mencapai sesuatu matlamat. Oleh itu, Richards (1987) mengemukakan dalam bidang linguistik terapan atau “*applied linguistics*”, istilah “strategi”

mengandungi makna prosedur yang dipakai dalam belajar, berpikir, dan lain-lain, yang bertindak sebagai suatu cara untuk mencapai suatu tujuan.

Sementara itu, pengertian asas komunikasi menurut Samsuddin A. Rahim (1993) merupakan terjemahan daripadapada istilah Inggeris, iaitu ‘*communication*’. Istilah ini pula berasal daripadapada istilah Latin, iaitu ‘*communcare*’ yang bermaksud ‘*to make common*’ atau mewujudkan persamaan. Dalam kamus *al-Mu’jam al-Arabiyy al-asasiy* (1989), memberi erti komunikasi, iaitu perhubungan seseorang dengan seseorang yang lain dalam menerusi pergaulan dan percakapan. Kamus *Webster’s Ninth New Collegiate Dictionary* (1990) memberi makna komunikasi sebagai ‘*a technique for expressing ideas effectively as in speech*’.

Tarone (1983) mendefinisikan strategi komunikasi sebagai usaha sedar antara dua interlokutor untuk bersetuju memberi makna dalam satu situasi tertentu di mana struktur makna yang diperlukan tidak dikongsi bersama. Faerch dan Kasper (1980) menyatakan bahawa strategi komunikasi ialah suatu rancangan yang berpotensi sedar untuk menyelesaikan apa yang dianggap secara sedar individu sebagai masalah dalam mencapai tujuan atau matlamat komunikasi. Strategi komunikasi kerap kali dianggap sebagai suatu gejala kekurangan keseimbangan linguistik yang akibatnya terlihat pada usaha pelajar untuk bertindak di luar atau melebihi kompetensinya sendiri.

Corder (1983) mendefinisikan strategi komunikasi sebagai satu teknik yang sistematik yang digunakan seorang penutur untuk menyampaikan maksud apabila mengalami masalah dalam berkomunikasi. Bialystok dan Frohlich (1980) berpendapat bahawa strategi komunikasi merupakan satu realisasi khusus tentang strategi inferensi umum di mana pelajar menguji dan membentuk hipotesis tentang data bahasa sasaran. Oleh

demikian, dalam kajian ini strategi komunikasi didefinisikan sebagai strategi yang digunakan oleh pelajar bahasa Arab untuk menyelesaikan masalah apa yang dianggap secara individu sebagai masalah dalam mencapai tujuan atau maklamat komunikasi.

1.10.1 Strategi Komunikasi dan Pembelajaran Bahasa Kedua

Strategi komunikasi dan strategi pembelajaran ialah dua perkara yang berkadar langsung atau berkait rapat kerana kedua-dua strategi ini bertindan diantara satu sama lain. Brown (1987) membedakan strategi pembelajaran dan strategi komunikasi. Strategi pembelajaran berkaitan dengan pemprosesan, penyimpanan, dan pengambilan kemasukan pemerolehan bahasa; manakala strategi komunikasi berkenaan dengan keluaran pemerolehan bahasa. Di dalam kepustakaan istilah strategi pembelajaran dan strategi komunikasi seringkali dipakai untuk menyatakan konsep yang sama.

Tarone (1983) menyatakan bahawa pada asasnya, istilah strategi komunikasi ini ingin mengemukakan dan memperkenalkan proses penyelesaian masalah yang harus diusahakan oleh pelajar setiap masa ketika ia dihadapkan pada suatu tugas komunikatif untuk meningkatkan kompetensi aktual dan kemampuan sebenarnya. Tarone (1983) berpendapat strategi komunikasi berlaku apabila pelajar berusaha merundingkan makna dengan para penutur dalam situasi penggunaan bahasa, kerap kali mungkin dalam individu pelajar mendapati kekurangan bahkan kehilangan kosa kata kerana pengetahuan yang kurang sempurna tentang bahasa sasaran.

Kajian mengenai strategi komunikasi pelajar yang dijalankan oleh pengkaji mempunyai asas yang kuat berdasarkan teori pembelajaran bahasa kedua. Berhubungan dengan pembelajaran bahasa kedua, Krashen (1981) menyatakan bahawa terdapat perbezaan antara pembelajaran dengan pemerolehan. Pembelajaran meruj

oleh pelajar secara sedar atau secara formal, seperti pembelajaran tatabahasa. Manakala pemerolehan ialah proses di mana seseorang individu itu mempelajari suatu bahasa tanpa disedari atau tidak melalui cara formal. Pelajar yang sedang mempelajari bahasa secara sedar atau secara formal berkemungkinan akan mengutip atau memperoleh beberapa perkataan frasa, atau ayat dalam bahasa itu tanpa disedaripada.

Realitinya, pelajar LIPIA mempelajari bahasa Arab yang merupakan bahasa kedua dalam situasi formal di sekolah. Berdasarkan kepada teori Krashen (1983) yang menyatakan sekiranya sesuatu persekitaran itu, sama ada di bilik darjah atau di luar bilik darjah, kaya dengan input bahasa sama ada daripada sudut pendengaran dan pembacaan, maka pembelajaran bahasa akan menjadi lebih bermakna kepada pelajar tersebut.

Berdasarkan ketetapan inilah seseorang individu itu mempelajari bahasa. Menurut Krashen (1979), lebih banyak individu itu terdedah kepada ransangan yang bermakna, maka lebih banyak pengetahuan dan maklumat bahasa akan mereka kuasai. Tambahnya lagi, orang dewasa dan kanak-kanak yang lebih matang secara keseluruhannya dapat menguasai bahasa kedua dengan lebih cepat.

Taksonomi strategi komunikasi Tarone (1983) pula digunakan pengkaji sebagai kerangka untuk menganalisis jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar ketika menghadapi masalah dalam menyampaikan sesuatu mesej. Kajian yang dilakukan tertumbu kepada lima jenis strategi komunikasi, iaitu strategi pengelakan, rayuan kerjasama, pemindahan bahasa, para frasa dan strategi bukan linguistik. Penggunaan strategi komunikasi pelajar ini dapat dicerap pengkaji melalui aktiviti tugasan komunikasi lisan yang diberikan kepada mereka. Ianya dapat dikenal pasti oleh

pengkaji melalui (a) pemerhatian, (b) analisis rakaman video dan (c) analisis transkripsi data aktiviti lisan.

Justifikasi menggunakan taksonomi strategi komunikasi Tarone (1983) dan teori pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua ini berlandaskan kepada asas-asas berikut.

1. Strategi komunikasi berasaskan taksonomi Tarone (1977) lebih mudah dan mantap, ia akan dijadikan sebagai panduan pengkaji sama ada dalam tujuan utama pengkajian mahupun tujuan sampingan kajian.
2. Ingin melihat sama ada pelajar LPIA menggunakan strategi komunikasi atau tidak ketika menghadapi masalah berkomunikasi dalam bahasa Arab, walaupun mungkin mereka tidak tahu tentang strategi komunikasi. Namun hal ini dapat dikenal pasti melalui pemerhatian yang dirakam semasa aktiviti lisan dijalankan.
3. Dalam kajian perpustakaan, pengkaji mendapati sehingga kini tidak ada teori khusus dibina untuk pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.
4. Ahli-ahli linguistik bahasa Arab seperti al-Fasi Fehri (1992), Taemah (1989) dan al-Khuli (1982) yang merupakan pelopor kepada perkembangan kajian linguistik bahasa Arab moden telah menggunakan teori-teori pembelajaran bahasa Inggeris dalam pengkajian dan kajian ilmiah mereka.

5. Teori-teori bahasa pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua juga telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji tempatan lain dalam kajian bahasa Arab sebagai bahasa Asing (Abdul Razak, 2004 dan Azhar Zailani, 2007).
6. Lantaran terdapat elemen persamaan ciri-ciri bahasa di dunia sama ada daripada aspek fonologi, sintaksis dan semantik, teori-teori pembelajaran bahasa Inggeris juga telah diguna pakai dalam kajian pembelajaran bahasa kedua oleh para pengkaji bahasa Melayu (Rohani Ibrahim, 1990), bahasa Mandarin (Ang Lai Hoon, 1992) dan bahasa Jepun (Roslina Mamat, 1999) serta bahasa Indonesia (Sri Juriati Ownie, 1997).

1.11 LOKASI KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA) di Jakarta yang beralamat di Jl. Buncit Raya No. 5A Ragunan Jakarta Selatan Indonesia. Kebanyakan palajar yang diterima masuk ke Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA) ini ialah pelajar lepasan sekolah menengah Atas (SMA) atau Madrasah Aliyah (MA).

1.12 KESIMPULAN

Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan latar belakang, kerangka teoritikal, kerangka konseptual, pernyataan masalah, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi strategi komunikasi, strategi komunikasi dan strategi pembelajaran bahasa Model Taksonomi Tarone (1983) yang dibina kerangka konseptual kajian ini akan diuraikan lebih jelas dan mendalam pada bab yang kedua.